Kebudayaan Islam

Sedikit Tentang: Sejarah Perpustakaan Islam

Di dalam kitab suci *al-Qur'ān al-Karīm*, banyak ayat-ayat yang memberangsang dan menggalakkan umat Islam mencari, menyelidki, dan mencintai ilmu pengetahuan, di antaranya ayat yang berbunyi: "*Qul hal yastawī al-ladhīna ya'lamūna wa al-ladhīna lā ya'lamūn*" (Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang-orang yang tiada berilmu pengetahuan?). Tentu tidak. Adapun yang dimaksud dengan ilmu di sini, bukanlah ilmu perkara sembahyang, puasa (ibadat) sahaja, melainkan meliputi segala macam ilmu pengetahuan yang berfaedah untuk dunia dan akhirat, seperti ilmu alam, ilmu bumi dan sebagainya.

Demikian juga dalam hadis-hadis Nabī (S.A.W.) bukan sedikit galakan-galakan kepada umat Islam supaya mereka mencari dan menyelidiki ilmu pengetahuan, sehingga baginda bersabda: "*Uṭlubū al-'ilma walaw bi al-Ṣīn*" (Carilah ilmu penegtahuan itu walaupun ke negeri China), dan "Tuntutlah ilmu pengetahuan itu dari dalam buaian (waktu kanak-kanak) sampai ke liang lahad".

(Oleh: Ibrahim Fahmi, Kedah)

Ayat-ayat Tuhan dan hadis-hadis Nabī ini telah diamalkan oleh umat Islam di dalam zaman keemasannya, sehingga ke mana juga mereka pergi di sana tumbuhlah kemajuan ilmu pengetahuan dan perpustakaan-perpustakaan. Pendeknya setiap penjuru negara-negara Islam terdapat madrasah-madrasah, perguruan-perguruan dan taman-taman bacaan, yang penuh dengan berbagai-bagai jenis kitab-kitab dan buku-buku pengetahuan tentang agama, falsafah, soal-soal masyarakat, politik, ilmu falak, mantik dan sebagainya.

Marilah kita meninjau ke Timur Tengah, kemudian ke India dan Sepanyol. Dalam masa pemerintahan khalifah-khalifah 'Abbāsiyyah yang berpusat di Baghdad, antara tahun 750-1258 Masihi, kita dapati di Baghdad selain dari gedung-gedung buku yang didirikan, maka masjid-masjid bukan hanya tempat beribadat sahaja, bahkan turut sama menjadi gedung-gedung perpustakaan yang penuh dengan kitab-kitab dan buku-buku pengetahuan yang diwakafkan orang. Pernah al-Khaṭīb al-Baghdādī, ahli sejarah yang terkenal, yang banyak kitab-kitabnya, mewasiatkan supaya buku-bukunya hendaklah diwakafkan bila ia meninggal kelak.

Bukan hanya khalifah-khalifah sahaja yang mendirirkan gedung-gedung perpustakaan, tetapi juga turut sama orang-orang besar negara dan hartawan-hartawan telah mendiri dan menegakkan perpustakaan-perpustakaan yang penuh dengan kitab falsafah dan ilmu pengetahuan. Penuntut-penuntut yang datang belajar ke sana, mereka diberi peluang menggunakannya sekalipun yang bukan untuk umum.

Dalam masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mūn (198-218 H.) seorang raja yang terkenal alim bijaksana, dan ahli ilmu yang besar dalam zaman keemasan Islam, yang juga dengan perintahnya buah-buah pena Saqrāṭ, Aflāṭūn, Arisṭāṭālīs[1] dan lain-lain diterjemahkan ke bahasa Arab. Di bandar Baghdad terdirilah sebuah gedung perpustakaan yang terkenal dengan nama "*Bayt al-Ḥikmah*", yang anggota-anggotanya terdiri dari orang-orang yang ahli dalam bahasa Yunani dan Arab, yang datang dari Sūryā, bekerja sebagai penterjemah-penterjemah di dalamnya.

Gedung hikmah ini penuh berisi dengan kitab-kitab dan buku-buku pengetahuan tentang ilmu falsafah, hisab mantik, kesusasteraan, hukum, tarikh, ilmu bintang dan sebagainya. Tetapi perpustakaan yang sebesar dan selengkap ini dalam tahun 1258 M, habis dimusnahkan oleh bala tentera Monggol yang dikepalai oleh Hulagu yang kejam itu.

'Alī ibn Yaḥyā, yang juga terkenal dengan nama al-Munjim (meninggal 275 H) seorang yang cintakan ilmu dan perpustakaan, telah mendirikan berhampiran dengan istananya di Baghdad sebuah perpustakaan yang terkenal dengan nama "*Khazānah al-Ḥikmah*", penuh dengan kitab-kitab ilmu pengetahuan, terutama kitab-kitab ilmu falak. Pelajar-pelajar yang berkumpul dalam perpustakaan ini diberi alat tulis menulis dan makan minum dengan percuma.

Perdana Menteri Abū Naṣr Sābūr bin Ardshīr, mendirikan pula perguruan tinggi "*Dār al-'Ilm*" dalam tahun 338 H yang turut sama bergabung perpustakaan-perpustakaan lain di dalamnya. Inilah salah satu perguruan tinggi yang mendapat sanjungan dan pujian dari ahli-ahli sejarah. Antara isinya tersimpan di sana seratus ribu kitab-kitab yang sebahagian besarnya ditulis oleh pengarang-pengarang Islam zaman itu dengan tulisan-tulisan yang cantik dan menarik.

Amatlah banyaknya gedung-gedung perpustakaan yang tumbuh, bak cendawan pada musim hujan, kalau hendak disebutkan. Namun demikian tak patut dilupakan perpustakaan yang ada dalam perguruan tinggi Niẓāmiyyah yang didirikan oleh Niẓām al-Mulūk, dan al-Mustanṣiriyyah yang didirikan oleh Khalifah al-Mustanṣir.

Kalau demikian tak hairanlah di Baghdad sahaja dalam kurun ketujuh hijriyyah, sudah 36 buah perpustakaan umum, ini tidak termasuk perpustakaan-perpustakaan yang didirikan oleh orang ramai dan orang seorang yang tentu banyak pula.

Di Moselle sebelum pertengahan kurun kesepuluh Masihi, telahpun terdiri di sana sebuah gedung perpustakaan, yang didirikan oleh seorang penduduk bandar itu, pelajar-pelajar yang ingin meneruskan pelajaran dan penyelidikannya di sana, disediakan kertas-kertas untuk mereka dengan percuma.

Pada masa itu juga di Baṣrah terdiri sebuah perpustakaan pula, untuk pelajar-pelajar di sana. Dan pada waktu itu juga, Di Aleri – Parsi – terdiri gedung perpustakaan yang berisi dengan kitab-kitab dan buku-buku sebanyak beban yang ditanggung oleh 400 ekor unta. Nama buku-buku itu tercatit di dalam sepuluh buah buku daftar yang besar-besar. Di sinilah juga tempat pertemuan untuk membahas dan menyelidiki segala macam ilmu pengetahuan.

Di Turkistan – bekerjalah "Yaqūt" selama tiga tahun mengumpul bahan-bahan kerangannya " Kamus Ilmu Bumi" di perpustakaan Merv dan Khawārizm, iaitu negeri-negeri tempat melarikan diri dalam tahun 1220 M., ketika bala tentera Monggol menyerang kerajaan Islam dan membakar perpustakaan-perpustakaan itu menjadi abu.

[1] Socrates, Plato, Aristotle

Sementara itu di Tripoli – Syria – keluarga pemerintah Banī ‘Amrū tidak pula ketinggalan dari mendirikan perpustakaan yang sangat indah dan besar, tetapi sayang perpustakaan yang sebesar ini ketika berlakunya perang Salib habis dibakar seluruhnya.

Di Mesir – raja-raja keturunan Fāṭimiyyah, tidak juga kurang usaha mereka di dalam memajukan ilmu pengetahuan dengan perpustakaan-perpustakaan dan sekolah-sekolah tinggi. Di antaranya sebuah gedung perpustakaan yang didirikan oleh Khalifah al-Ḥākim dalam tahun 1005, digabungkan dengan perguruan tinggi “*Dār al-‘Ilm*”. Inilah salah satu perpustakaan umum yang masyhur. Perpustakaan ini terdiri dari gedung-gedung kitab yang luas-luas teratur, dan dewan bacaan yang lapang dan indah. Taman bacaan ini dan penyalin-penyalin kitab di sini pemerintahlah yang menanggung belanjanya. Diceritakan orang bahawa isi perpustakaan umum ini sahaja berjumlah tidak kurang daripada 2 juta buah kitab. Selain daripada itu masih ada lagi perpustakaan kepunyaan raja sendiri yang juga dibuka untuk umum.

Berbalik ke India, Maḥmūd Ghaznawī berusaha pula mengumpul berbagai jenis buku pengetahuan sehingga di dalam istananya penuh dengan tempat kitab-kitab yang tersusun rapi, dan tempat berhimpun



Gambar kenangan ahli-ahli jawatankuasa Lajnah al-Ṭalabah Madrasah al-‘Aṭṭās Johor Bahru tahun 1959-1960 bergambar ramai di hadapan madrasah sebagai kenang-kenangan memberi selamat berpisah kepada Ustaz Hisham bin Haji Muṣnif yang berpindah mengajar ke Madrasah al-Irshād Singapura. Duduk nombor (5) dari kiri ialah Ustaz Abu Bakar al-Khurdi Mudir Madrasah, (6) Ustaz Hisham bin Haji Muṣnif, (7) Idris Awang Yang di-Pertua Lajnah, (8) Abdul Halim Haji Ahmad Naib Yang di-Pertua, (4) Ahmad bin Haji Yasin Setiausaha, dan (3) Ismail bin Kasim Naib Setiausaha. Manakala yang lain-lain ahli-ahli jawatankuasa, ketua-ketua Badan Persuratan, Kawalan, Permainan, Kewangan serta Naibnya. Kiriman Husni, Johor.

pengarang-pengarang dan sasterawan. Demikian juga tak dapat dilupakan usaha Sultan Naṣīr al-Dīn, yang selama dua puluh tahun pemerintahannya, dicurahkannya untuk pembangunan kemajuan ilmu pengetahuan, dikumpulnya kitab-kitab dan buku-buku yang berharga di perpustakaan.

Demikianlah seterusnya raja-raja keturunan Monggol Islam yang memerintah India, mereka berusaha untuk kemajuan ilmu pengetahuan dan perpustakaan. Di antaranya Humāyūn Shāh, seorang raja yang ke mana juga berangkat tak pernah terlepas kitab dari tangannya.

Di Hindustan termasyhurlah pula "Perpustakaan Ketimuran" Bankipur, yang berisi dengan beribu-ribu buku pengetahuan yang bertulis tangan. Perpustakaan ini didirikan oleh Mawlawī Muḥammad (meninggal 1176 M) yang kemudian usahanya diteruskan oleh anaknya Mawlawī Khuda, sebagaimana pesanan ayahnya sehingga perpustakaan itu dibuka untuk umum.

Sekarang marilah kita meninjau ke negara Islam Sepanyol dalam zaman keemasannya. Kurun kesepuluh Masihi adalah merupakan zaman keemasan dalam sejarah Sepanyol, masa pemerintahan 'Abd al-Raḥman yang ketiga. Kemajuan ilmu pengetahuan dapat dilihat, di mana-mana terdiri sekolah-sekolah yang bukan kecil bilangannya. Penggantinya Khalifah al-Ḥakam yang kedua, seorang raja yang alim budiman, terkenal sebagai pencinta buku-buku yang tidak ada bandingannya. Ia mengutus orang ke mana-mana sahaja: ke Iraq, ke Afrika Utara dan lain-lainya untuk mencari buku-buku pengetahuan, sehingga di dalam istananya terkumpullah 400,000 naskhah kitab dan buku-buku pengetahuan, penuhlah istananya dengan pegawai perpustakaan, penterjemah-penterjemah dan penjilid buku. Ia sendiri telah membaca sebahagian besar buku-buku itu serta menulis catitan di dalamya.

Ia pernah menghadiahkan wang sejumlah 1,000 dinar kepada Abū al-Farj al-Iṣfahānī, pengarang kitab "*al-Aghānī*" supaya dikirimkan kepadanya akan naskhah yang mula-mula keluar dari buku yang sedang dikarangya itu.

Di bandar-bandar besar di Sepanyol, terdirilah sekolah-sekolah tinggi (perguruan) yang penuh dengan kitab-kitab mengenai ilmu mantik, falsafah, falak dan bermacam-macam ilmu pengetahuan lainnya. Di antaranya termasyhurlah sekolah-sekolah tinggi Qurtubah (Cordoba), Gharnāṭah (Granada), Ashbīlīh (Seville) dan Mālaqah (Malaga). Sekolah Tinggi Cordoba yang bertempat di sisi masjid besar bandar itu, pada zaman al-Ḥakam, sungguh masyhur dan harum ke mana-mana, sehingga bukan sahaja pelajar-pelajar Islam yang tertarik belajar ke sana, tetapi juga pelajar-pelajar Kristian turut tertarik. Di Granada terdirilah 70 buah gedung kitab, diantaranya sebuah perpustakaan yang terbesar di dalamnya tersimpan 600,000 jilid.

Dengan ini nyatalah bagaimana besarnya kecergasan umat Islam dalam zaman keemasan Islam, mengumpul, mengarang dan menciptakan berbagai macam buku-buku pengetahuan, bagi menyambut seruan Islam yang memerintah pemeluknya membaca dan menulis itu. Tetapi kitab dan buku-buku pengetahuan yang jumlahnya sebesar itu, sedikit sekali yang sampai kepada kita hari ini, kerana telah dibinasakan oleh musuh Islam yang menyerang kerajaan Islam.

Demikianlah serba sedikit tentang sejarah kekayaan perpustakaan Islam, yang saya catit dari beberapa buah buku, untuk pengetahuan kita bersama.